

Laksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi

M.M 9/12/07 MS 7

MINGGUAN: Bagi Prof. apakah yang dimaksudkan kritikal dalam laporan Bank Dunia baru-baru ini?

ANUWAR: Bagi saya yang dimaksudkan itu bukanlah tenat. Tetapi walaupun begitu beberapa tindakan penting mesti diambil dan selaras dengan ini Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang baru dilancarkan memang kena pada masanya. Tetapi pada pandangan saya banyak perkara tersebut diperkatakan tetapi yang lebih penting bagaimana melaksanakan cadangan-cadangan itu.

Setakat ini berapa cadangan dari pelan tersebut yang telah dilaksanakan?

ANUWAR: Proses itu sedang berjalan dan beberapa jawatankuasa telah dibentuk di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi untuk melaksanakan beberapa aspek daripada pelan itu. Tetapi kalau dilihat daripada apa yang dibangkitkan oleh Bank Dunia, ada empat perkara yang penting. Pertama di segi pentadbiran. Di sini ada cabaran termasuk masalah kekurangan autonomi iaitu proses membuat sesuatu keputusan bukan dibuat oleh kepimpinan universiti. Pihak universiti masih bergantung kepada keputusan yang dibuat di peringkat kementerian. Perkara kedua ialah keperluan meningkatkan kualiti di segi pembelajaran dan pengajaran termasuk mengemaskini cara penyampaian kursus-kursus program akademik supaya dapat melahirkan graduan yang berkualiti. Perkara ketiga ialah masalah pengangguran graduan. Perkara keempat, kekurangan peruntukan untuk membuat penyelidikan dan kurangnya pertalian antara industri dengan universiti. Bagi saya keempat-empat perkara yang penting ini telah disentuh dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Tetapi isu yang penting ialah bagaimana kita melaksanakan semua perkara yang dibangkitkan supaya mencapai matlamat.

Jadi tidak benarlah kedudukan pengajian tinggi kita berada dalam keadaan tenat?

ANUWAR: Bagi saya kedudukan kita tidak tenat seperti dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) tetapi cuma sakit. Walaupun tidak kritikal tetapi kita kena memberi perhatian berat kerana sejak lima atau enam tahun lepas pengambilan pelajar di semua universiti tempatan meningkat. Disebabkan oleh peningkatan jumlah pengambilan itu kemungkinan besar tenaga akademik yang disediakan tidak dapat memenuhi tahap keperluan universiti. Bagi saya itu merupakan cabaran besar kerana apabila jumlah pengambilan di universiti meningkat dan ada yang mencapai lebih 20,000 orang, ini membuatkan jumlah tenaga akademik tidak mencapai nisbah yang ditentukan.

Adakah syarat pengambilan dilonggarkan untuk membolehkan lebih banyak berpeluang belajar?

ANUWAR: Saya rasa saya tidak longgar. Kita menambah pengambilan disebabkan desakan rakyat untuk meningkatkan peluang pelajar memasuki universiti. Cuma soalnya adakah kita boleh memberi jaminan bahawa jumlah pengambilan yang mendadak itu boleh melahirkan graduan berkualiti? Misalnya adakah pelajar dari matrikulasi sejajar dengan tahap yang diperlukan oleh universiti? Apabila pengambilan terlalu banyak, ada kemungkinan sesetengah daripada pelajar belum mencapai tahap yang diperlukan oleh universiti. Masalah ini ditambah pula dengan nisbah yang besar menyebabkan tidak berlaku satu interaksi yang baik.

Adakah gaji pensyarah yang agak rendah menyumbang kepada kurangnya graduan berkualiti?

ANUWAR: Soal gaji mungkin satu daripada cadangan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan laporan Bank Dunia. Gaji pensyarah perlu dilihat dengan lebih serius. Misalnya dalam 20 tahun yang lepas bolehkah universiti menarik graduan yang terbaik untuk terlibat dalam bidang akademik? Saya rasa tidak. Sebabnya kalau kita teliti graduan kelas pertama akan menyertai bidang industri atau bekerja dengan syarikat multinasional di luar negara. Mereka tidak berminat menjadi pensyarah. Kerjaya di universiti kita tidak seperti tahun 60-an dan 70-an kerana jurang gaji. Kalau ditanya pelajar-pelajar sekarang, mereka tidak mahu menjadi pensyarah. Tetapi bukanlah tidak ada yang berminat dengan akademik. Yang berminat akan melanjutkan pengajian di peringkat sarjana. Tetapi secara purata, bolehkah kita menarik mereka yang terbaik menjadi tenaga pengajar? Gaji yang meletakkan kita kepada sosial status. Saya fikir ini hanya boleh dilakukan dengan melihat bukan saja soal gaji tetapi kemudahan lain. Adakah misalnya mereka berpeluang menghadiri seminar atau persidangan di luar negara? Semua ini akan mewujudkan budaya kecemerlangan. Apabila tidak ada budaya kecemerlangan, kita tidak dapat meningkatkan tahap universiti.

Tidak bolehkah kita mencontohi Singapura atau Hong Kong yang menawarkan gaji lumayan kepada pensyarah luar untuk mengangkat tahap universiti tempatan?

ANUWAR: Apa yang boleh dipelajari dari negara serantau seperti Singapura dan Hong Kong ialah mereka memberi paras gaji yang lebih baik kepada cerdik pandai di negara ini bagi membuat penyelidikan, input-input serta idea yang bernas untuk memajukan negara. Dengan sistem gaji yang fleksibel, mereka juga dapat pensyarah luar bagi membawa institusi ke peringkat global. Tawaran gaji yang lebih baik bukan sahaja menggalakkan rakyat tempatan menjadi pensyarah tetapi juga boleh membawa balik warga Malaysia yang sedang bekerja di luar negara seperti dalam bidang perubatan dan lain-lain. Warga luar juga mungkin berminat berkongsi pengalaman.

Mengikut laporan Bank Dunia, kedudukan universiti tempatan lebih rendah berbanding negara jiran. Prof. setuju dengan kenyataan tersebut?

ANUWAR: Kalau dilihat sekeliling kita misalnya Indonesia, Filipina dan Thailand, saya rasa kita berada pada tahap yang baik. Tetapi ini tidak bermakna kita boleh selesa. Kita mesti meneruskan perjuangan supaya pelan strategi tadi dapat dilaksanakan dengan baik. Kita banyak mengatakan yang kita buat itu dan ini tetapi tahap pelaksanaan masih bermasalah. Saya harap Kementerian Pengajian Tinggi betul-betul memberi perhatian supaya dalam masa lima tahun akan datang kita dapat meningkatkan kualiti graduan dan pensyarah kita.

Adakah masalah pengangguran kalangan graduan ada kaitan dengan kualiti universiti tempatan?

ANUWAR: Tahap kualiti graduan boleh terjejas dengan pengambilan yang meningkat dengan mendadak. Apabila mendadak, kualiti pelajar yang memohon masuk universiti makin rendah. Kalau tahun 70-an dulu dapat masuk universiti sudah dianggap elit. Tetapi mungkin ketika itu 10 peratus saja daripada pelajar yang keluar dari sekolah tetapi sekarang 30 peratus. Sekarang pula banyak wujud IPTS tetapi bolehkah kita memberi jaminan bahawa kualiti tidak menurun? Masalah kualiti pensyarah bukan saja di IPTA tetapi juga sesetengah IPTS.

Jadi laporan Bank Dunia bukanlah suatu yang mengejutkan?

ANUWAR: Bagi saya beberapa teras strategi itu telah dikenal pasti dan memang menurus kepada isu-isu mengenai cabaran yang disebutkan dalam laporan Bank



PROFESOR ANUAR

i Negara

Dunia. Ia penting supaya kementerian dan juga pemimpin universiti melihat isu-isu yang dilemparkan itu sebagai cabaran yang harus diambil tindakan. Misalnya dalam laporan ini juga disebut mengenai kualiti pimpinan di peringkat universiti. Saya ingin bertanya adakah kita sudah mendapat pemimpin universiti yang betul-betul boleh melaksanakan apa yang dirancang kerajaan? Misalnya kualiti naib cancellor, timbalan naib cancellor, dekan, ketua jabatan dan profesor kita. Adakah mereka menonjol dalam bidang-bidang mereka? Kita tahu bahawa pemimpin peringkat universiti memang bagus tetapi kalau kita lihat secara keseluruhan ia mungkin perlu dipertingkatkan lagi. Sebab itu pihak Bank Dunia juga mempersoalkan jumlah penyelidikan yang dibuat oleh universiti yang terlalu kecil. Malah penyelidikan itu pula selalu dipersoalkan kerana tidak sesuai dengan keperluan industri misalnya kejuruteraan.

Apakah pendekatan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan tinggi?

ANUWAR: Bagi saya proses ini sebagai satu evolusi dan kita tak boleh kata hari ini kita nak buat, esok sudah ada hasilnya. Begitu juga dengan keperluan untuk mendapat tenaga pimpin yang bagus dan berkualiti. Kalau misalnya timbalan naib cancellor tidak dihormati dalam komuniti akademik, mereka tidak menonjol juga. Begitu juga di peringkat dekan yang mengetuai fakulti, adakah mereka ini betul-betul menonjol dan boleh menguruskan program universiti dengan baik? Ada yang berkata program di universiti dan silibus yang dibuat tidak sesuai atau tidak dapat berkembang mengikut kehendak masyarakat. Sebab itu banyak rungutan bila graduan yang keluar tidak ada skil. Kalau diteliti betul-betul yang pandai dipilih oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Mara untuk dihantar ke luar negara terutama pelajar Melayu. Ini mencetuskan persepsi, pelajar yang bagus melanjutkan pelajaran di luar negara dan yang tinggal adalah yang kurang bagus.

Wajarkah isu penarafan ini menjadi keutamaan?

ANUWAR: Pada saya, janganlah kita terbawa-bawa dengan isu penarafan. Yang lebih penting ialah kerja seharian. Negara yang selalu bercakap mengenai penarafan ini ialah negara-negara Barat seperti UK, Amerika Syarikat (AS), Britain dan Australia. Tetapi banyak universiti lain yang tidak termasuk dalam senarai. Memang penarafan penting untuk kita menjadi pusat pendidikan serantau tetapi pada masa yang sama kita sendiri boleh menilai sejauh mana kemampuan kita kerana kedudukan penarafan ini selalu berubah-ubah. Bagi saya ini tidak ubah seperti bersaing atas asas kekuatan yang tidak seimbang.